

JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan: UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4

Tarikh: 10 Julai 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 13/2026

Semua Warga
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMBERIAN HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA) KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN


Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pemberian Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) adalah selaras dengan Ceraian 5.1.4 MyPSSM, iaitu satu inisiatif Kerajaan bagi menghargai pegawai awam yang memperoleh kelayakan akademik yang lebih tinggi atas pembiayaan sendiri. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan secara pekeliling bertarikh 24 April 2026 telah meluluskan pelaksanaan pemberian HPA di Universiti Kebangsaan Malaysia selaras dengan prinsip pembelajaran sepanjang hayat serta usaha meningkatkan ilmu dan kompetensi diri pegawai.

3. Sehubungan dengan itu, staf yang memenuhi syarat-syarat kelayakan HPA seperti infografik di lampiran adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan **selewat-lewatnya pada 24 Julai 2026** menerusi pautan atau kod QR berikut:

BIL.	PERKARA	KOD QR	PAUTAN
1.	Google Drive Permohonan HPA		http://alturl.com/f4e2p
2.	Google Form Permohonan HPA		https://forms.gle/Zg4sCk8VdpV55gJ66

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

4. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT EMEL	NO. TELEFON
1.	Puan Siti Salwa Ahmad Zur Ketua Penolong Pendaftar Unit Perkembangan Kerjaya Bahagian Pembangunan Bakat Jabatan Pendaftar	upk.bakat@ukm.edu.my	03-8921 4380
2.	Cik Puteri Iwanie Qistina Mohd Zabri Personel MyStep Unit Perkembangan Kerjaya Bahagian Pembangunan Bakat Jabatan Pendaftar	puteriwanie@ukm.edu.my	03-8094 2738
3.	Cik Hamimi Atikah Harun Penolong Pendaftar Unit Latihan dan Perkembangan Kerjaya Hospital Canselor Tuanku Muhriz	ulpk_jsm@hctm.ukm.edu.my	03-9145 7925/ 6296
4.	Puan Ashura Izwani Ahmad Tadjudin Penolong Pendaftar Unit Latihan dan Perkembangan Kerjaya Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	ulpk.jsm@htabtar.ukm.edu.my	03-9174 8658/ 8669

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"IMAN ILMU AMAL"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD
Pendaftar


...3/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA)



TUJUAN

Memberi penghargaan kepada pegawai awam Persekutuan (Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana) yang meningkatkan ilmu pengetahuan dan kompetensi melalui pengajian ke peringkat yang lebih tinggi menggunakan pembiayaan sendiri.



KADAR INSENTIF



Ijazah Kedoktoran

RM1,250



Ijazah Sarjana

RM1,000



Ijazah Sarjana Muda

RM750



Diploma dan Setaraf

RM500



SYARAT KELAYAKAN



Memperoleh kelayakan akademik yang lebih tinggi berbanding kelayakan akademik pegawai ketika dilantik secara tetap ke skim perkhidmatan semasa.



Memulakan dan menamatkan pengajian bagi kelayakan akademik yang lebih tinggi semasa dalam lantikan tetap.



Kelayakan akademik yang lebih tinggi itu hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan.



Yuran pengajian atas pembiayaan sendiri oleh pegawai.



Markah prestasi bagi tahun penilaian hendaklah sekurang-kurangnya 85%.



Lulus tapisan tatatertib bagi tahun penilaian.



Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar.



Hanya sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.



Tidak pernah diluluskan Hadiah Pergerakan Gaji (HPG); dan



Diperaku oleh Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan.



CARA MEMOHON



Imbas kod QR

Imbas kod QR untuk mengakses Google Drive yang mengandungi:

- Garis Panduan JPA
- Infografik HPA
- Google Form HPA



Imbas kod QR untuk Google Form HPA

Imbas kod QR untuk terus mengakses Google Form HPA.



Lengkapkan Google Form

Sertakan dokumen berikut:

- Salinan skrol
- Salinan transkrip akademik
- Pengesahan kelayakan akademik



Hantar Permohonan

Hantar Google Form setelah semua maklumat dan lampiran lengkap, tepat dan jelas.



Semakan Urus Setia

Pihak urus setia akan menyemak syarat kelayakan permohonan.



Perakuan Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Sekiranya layak, pihak urus setia akan mengemukakan e-mel perakuan kepada dekan/pengarah/ketua jabatan.



Proses Bayaran

Bayaran Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) akan diproses kepada pemohon yang layak.



TARIKH TUTUP

24 JULAI 2026

Pastikan permohonan dihantar sebelum atau pada tarikh tutup yang ditetapkan.



SEBARANG PERTANYAAN



Puan Siti Salwa Ahmad Zur
Ketua Penolong Pendaftar



+603-89214380



upk.bakat@ukm.edu.my



Cik Puteri Iwanie Qistina Mohd Zabri
Personel MyStep



+603-80942738



puteriwanie@ukm.edu.my



Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM



03-9145 7925/6296



ulpk_jsm@hctm.ukm.edu.my



Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM



03-9174 8658/ 8669



ulpk_jsm@htabtar.ukm.edu.my